

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]

TARIKH : 16 JULAI 2019

SOALAN NO. 62

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah yang diambil bagi menyelesaikan masalah penduduk yang sering menjadi mangsa banjir kilat setiap kali hujan lebat di laluan Guar Stesen, Gurun, Kedah setelah siapnya Projek Landasan Berkembar Elektrik Ipoh-Padang Besar.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perbadanan Aset Keretapi dengan kerjasama Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) sentiasa melakukan pemantauan berkala untuk memastikan sistem peparitan yang berada di atas tanah kereta api ini sentiasa diselenggara dengan baik bagi mengelakkan kejadian-kejadian tidak diingini berlaku terutamanya di kawasan berdekatan dengan kediaman penduduk.
2. Bagi isu yang dibangkitkan ini, semakan oleh RAC dan KTMB telah mendapati tiada aduan yang diterima oleh kedua-dua agensi ini daripada penduduk Kampung Guar Stesen berkaitan kejadian banjir kilat tersebut. Namun begitu, siasatan di tapak akan dibuat secepat mungkin bagi memastikan sistem peparitan yang ada di sepanjang landasan berada dalam keadaan yang baik. Dalam hal ini kerjasama daripada Pihak Berkuasa Tempatan amat diperlukan memandangkan kawasan kampung tersebut berada di luar tanah rizab kereta api.
3. Akhir sekali, RAC amat mengalu-alukan kerjasama daripada pihak Ahli Yang Berhormat dan penduduk setempat untuk menyalurkan maklumat berkaitan kejadian banjir atau halangan yang mungkin terdapat di dalam kawasan tanah kereta api kepada Perbadanan ini melalui aduan@rac.gov.my untuk diatasi dengan sebaik mungkin.

Sekian, terima kasih.